

KESAN KANDUNGAN UTAMA DALAM ROKOK ELEKTRONIK ATAU VAPE

Nikotin

- Gangguan otak menyebabkan ketagihan
- Menggalakkan pembekuan darah
- Jejas proses perkembangan bayi dalam kandungan
- Gangguan pada perut, usus, sawan dan kegagalan pernafasan

Propylene Glycol (PG)

- Jangka masa pendek - kegatalan mata, kerengsaan tekak dan

saluran pernafasan

- Jangka masa panjang - asma dan kanser

Gliserin (Glycerin-VG)

- Jejas lapisan kulit, mata serta kerosakan organ dalaman menerusi penggunaan berulang dan berpanjangan

Perisa makanan

- Cecair rokok elektronik bunuh sel paru-paru, otak dan lapisan kulit

Sumber: MedikTV

SEKUMPULAN pelajar tidak menghiraukan orang ramai dengan mengisap vape di sebuah gerai makanan di Kuala Lumpur baru-baru ini. - MINGGUAN/AZLAN HADI/ABU BAKAR

Bahan perisa jejas fungsi otak, organ

KUALA LUMPUR 20 Julai - Unsur nikotin serta campuran bahan kimia yang terkandung dalam cecair perisa vape boleh menurunkan kecekapan fungsi otak dan organ dalaman kanak-kanak.

Pakar Perunding Respiratori dan Perubatan Dalaman, Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dr. Mohd. Arif Mohd. Zim berkata, kesan campuran tersebut lebih kepada menggagalkan serta membantutkan tumbesaran kanak-kanak atau remaja.

“Kehadiran nikotin itu akan menyebabkan saraf penerima pada bahagian otak mengesan ketagihan. Walaupun pengaktifan hormon dopamin memberikan rasa ‘puas’ dan ‘sedap’ sementara, tetap mengganggu fungsi otak untuk terus berkembang.

“Kita boleh melihat kesannya selepas remaja ini berhenti mengambil nikotin berkenaan. Mereka akan menjadi lemah selain terdedah kepada sakit kepala, tekanan darah tinggi, tekanan dan kadar degupan jantung yang tidak menentu,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, katanya, campuran variasi bahan kimia

dalam perisa vape juga dipercayai mendatangkan kemudahan kepada anggota badan dan organ dalaman manusia.

“Kehadiran formaldehid, acetaldehid, *acrolein* serta beberapa bahan kimia lain secara langsung menyebabkan penagih vape mengalami radang paru-paru, penyakit rintangan kronik paru-paru (COPD), asma dan pelbagai masalah respirasi.

“Sekiranya terkena pada bahagian mata serta kulit, individu berkenaan akan terkesan dengan masalah kegatalan mata dan kulit,” ujarnya.

Sementara itu, Pakar Perunding Perubatan, Hospital Pakar KPJ Damansara Datuk Dr. Ahmad Shukri Md.

Salleh pula menegaskan, rokok elektronik atau vape turut mengeluarkan partikel sama seperti rokok biasa.

“Penyebaran partikel tersebut boleh dikatakan bergantung kepada paras nikotin di dalam cecair perisa vape itu.

“Partikel halus yang berada dalam asap vape, *pod* serta *stick* itu dipercayai boleh menembusi paru-paru dan situasi itu menjadi antara punca masalah berkaitan organ dalaman berkenaan,” katanya.



MOHD. ARIF



AHMAD SHUKRI